

ANALISIS PENGUASAAN BUNYI VOKAL BAHASA PERANCIS OLEH PELAJAR MELAYU

ABSTRAK

Kajian ini melihat keupayaan pelajar-pelajar Melayu mendiskriminasi dan mengujarkan bunyi-bunyi bahasa Perancis, terutamanya bunyi vokal. Kebanyakan kajian dalam bidang pemerolehan bahasa kedua (B2) atau bahasa ketiga (B3) bermula dengan andaian bahawa bahasa pertama (B1) menjadi punca utama kesulitan yang dihadapi di dalam pemerolehan B2. Sistem B1 yang berbeza dengan B2 atau B3 diandaikan menjadi gangguan di dalam pemerolehan B2 atau B3 tersebut. Kajian ini akan cuba mengkaji adakah benar B1 menjadi punca kesulitan di dalam pemerolehan sistem bunyi bahasa Perancis. Subjek kajian terdiri daripada 32 orang pelajar Melayu yang sedang mempelajari bahasa Perancis di salah sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia. Data kajian dikumpul melalui dua bentuk ujian iaitu (1) ujian diskriminasi bunyi dan (2) ujian pengeluaran bunyi. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan Analisis Kesilapan (AS) yang dipelopori oleh Corder (1967) namun analisis data ini dijalankan mengikut prosedur analisis seperti yang dicadangkan Van Els & al (1984). Mereka telah mencadangkan enam langkah untuk menjalankan AS, (1) mengumpul data, (2) mengenalpasti kesilapan, (3) mengklasifikasikan kesilapan, (4) mengenalpasti sumber kesilapan, (5) menganalisis kesilapan dan (6) mencadangkan bagaimana cara untuk memperbaiki kesilapan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi masalah besar di dalam mendiskriminasi bunyi-bunyi vokal bahasa Perancis. Namun begitu, mereka didapati menghadapi masalah di dalam pengeluaran bunyi-bunyi tersebut. Dapatan kajian juga membuktikan bahawa kesulitan yang dihadapi oleh pelajar bukan hanya disebabkan oleh gangguan B1 tetapi berpunca dari sistem bahasa Perancis sendiri. Salah satu punca kesulitan di dalam penyebutan bunyi-bunyi vokal bahasa Perancis ialah sistem ejaan yang pelbagai bentuk yang digunakan di dalam bahasa Perancis bagi mewakili bunyi-bunyi vokalnya.

Katakunci : pemerolehan bahasa; pelajar Melayu; bahasa Perancis; bunyi vokal; Analisis Kesilapan

AN ANALYSIS OF THE MASTERY OF FRENCH VOWEL SOUNDS BY THE MALAY STUDENTS

ABSTRACT

This study looks at the ability of the Malay students to discriminate and produce the French sounds, especially the vowel sounds. Most of the studies in the second language (L2) or third language (L3) started with the assumption that the first language (L1) is the main source of difficulties in the acquisition of second language (L2). The differences between the L1 and L2 or L3 are assumed to interfere the acquisition of L2 or L3. This research will try to investigate whether it is true that the L1 is the source of the difficulties in the acquisition of the French sound system. The subject of the research consists of 32 Malay students learning French at one of the higher institutions in Malaysia. The data were collected through two types of test; (1) discrimination test and, (2) production test. This research applies the Error Analysis approach proposed by Corder (1967) as the theoretical framework, but the analysis of data was done according to the steps proposed by Van Els et al (1984). They propose six

steps; (1) collect the data, (2) identify the errors, (3) classify the errors, (4) identify the source of errors, (5) analyze the data and (6) propose the remedy for the errors. The results show that the Malay students did not face major problems in discriminating the French vowels. However, they are found to have problems in producing those sounds. The results of the research have proven that the difficulties faced by the students are not solely caused by the interference of the L1 but also come from the French language itself. One of the sources of the difficulties in producing French vowel sounds is the different spelling systems used to represent the vowel sounds in French.

Keywords : language acquisition; Malay students; French language; vowel sound; Error Analysis

PENDAHULUAN

Setiap bahasa mempunyai strukturnya yang tersendiri. Kebanyakan kajian yang berkaitan dengan pemerolehan bahasa kedua atau bahasa asing menunjukkan bahawa masalah timbul akibat daripada perbezaan struktur yang terdapat antara bahasa pertama(B1) dan bahasa kedua (B2) atau bahasa asing (B3). Antara kajian awal yang mengaitkan masalah di dalam pembelajaran pengaruh B1 ke atas B2/B3 ialah Analisis Kontrastif (AK) dan Analisis Kesilapan (AS). AK yang dipelopori oleh Lado (1957), melihat perbezaan yang terdapat antara B1 dan B2/B3 dapat digunakan untuk meramalkan masalah yang mungkin timbul di dalam pembelajaran. Manakala Selinker (1992) melalui AS pula berpendapat bahawa kesilapan berlaku akibat daripada gangguan/pengaruh B1 ke atas B2/B3 disebabkan oleh perbezaan struktur yang terdapat antara bahasa-bahasa tersebut. Beliau melihat kesilapan sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana kesilapan dapat dianggap sebagai suatu alat yang digunakan oleh pelajar di dalam proses pembelajaran mereka.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian yang berkaitan dengan bidang pemerolehan bahasa asing (B3). Kajian ini akan dijalankan ke atas dua bahasa, iaitu bahasa Melayu (BM) dan bahasa Perancis (BP). BM merupakan bahasa kebangsaan Malaysia dan BP pula adalah salah satu bahasa asing yang semakin berkembang di negara ini. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada sistem bunyi kedua-dua bahasa tersebut. Kajian akan menggunakan pendekatan Analisis Kesilapan bagi melihat sejauhmana pelajar-pelajar Melayu menguasai sistem bunyi bahasa Perancis dan apakah strategi yang digunakan oleh mereka apabila berhadapan dengan masalah yang berkaitan dengan sistem bunyi ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Boyer, Butzbach dan Pandanx dalam buku mereka “*Nouvelle introduction à la didactique du français langue étrangère*” (1990: 215) mengatakan bahawa analisis kesilapan mempunyai dua objektif utama iaitu untuk lebih memahami proses pembelajaran sesuatu bahasa asing dan juga untuk memperbaiki cara pengajaran bahasa tersebut. Kesilapan tidak boleh dianggap sebagai penanda kegagalan tetapi sebagai petunjuk tahap penguasaan sesuatu aspek oleh seseorang pelajar. Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dapat dijadikan sebagai alat untuk menaakul (*infer*) strategi yang digunakan oleh pelajar di dalam proses pembelajaran mereka.

Kajian AS yang dijalankan ke atas sistem fonetik dan fonologi BM dan BP ini mempunyai objektif-objektif tertentu. Antara objektif kajian yang ingin dicapai adalah seperti berikut:-

- 1) untuk menilai keupayaan pelajar-pelajar Melayu mendiskriminasi dan mengujarkan bunyi-bunyi vokal BP
- 2) untuk mengenalpasti bunyi-bunyi vokal BP yang menimbulkan masalah kepada pelajar-pelajar Melayu,
- 3) untuk mengkaji apakah strategi yang digunakan oleh pelajar-pelajar Melayu apabila berhadapan dengan masalah yang berkaitan dengan diskriminasi dan ujaran bunyi-bunyi BP.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan cuba menjawab tiga persoalan kajian berikut;

- 1) sejauhmanakah pelajar-pelajar Melayu berupaya mendiskriminasi dan mengujarkan bunyi-bunyi vokal BP
- 2) apakah bunyi-bunyi vokal BP yang menimbulkan masalah kepada pelajar-pelajar Melayu;
- 3) bagaimanakah cara pelajar-pelajar Melayu mengatasi masalah yang timbul yang berkaitan dengan dikriminasi bunyi dan pengeluaran bunyi vokal BP.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dapat memberi faedah kepada semua pihak yang terlibat yang terlibat secara langsung dengan pengajaran dan pembelajaran BP. Corder (1974 : 25) berpendapat bahawa kesilapan dapat memberi gambaran kepada guru tentang tahap penguasaan pelajar dan apakah lagi yang perlu dilakukan oleh guru bagi mencapai matlamat pengajaran bahasa tersebut. Menurutny lagi, kesilapan yang dilakukan juga boleh digunakan oleh penyelidik sebagai bukti tentang bagaimana sesuatu bahasa dipelajari atau diperolehi dan apakah strategi atau kaedah yang digunakan oleh pelajar ketika mempelajari bahasa tersebut. Selain itu, Corder juga menegaskan bahawa pelajar juga dapat menjadikan kesilapan sebagai satu cara untuk menguji hipotesis mereka tentang bahasa yang dipelajari.

Selari dengan apa yang dikatakan oleh Corder, kajian ini dijalankan dengan harapan ianya dapat dijadikan sebagai panduan berguna kepada semua pihak yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran BP di Malaysia amnya dan kepada pelajar-pelajar Melayu khususnya. Para guru yang terlibat secara langsung di dalam pengajaran BP terutamanya guru-guru bukan Melayu akan dapat memahami dengan lebih baik punca dan sebab mengapa para pelajar Melayu menghadapi masalah berkaitan dengan sesetengah bunyi BP. Kajian ini akan dapat dijadikan panduan oleh para guru untuk lebih bersedia apabila berhadapan dengan pelajar yang mengalami kesukaran di dalam menanggapi sesuatu bunyi BP dan menghasilkan bunyi-bunyi tersebut. Guru-guru juga boleh menjadikan dapatan kajian ini sebagai kayu ukur untuk melihat sejauh mana kaedah pengajaran mereka berkaitan dengan sistem bunyi BP berkesan di dalam meningkatkan penguasaan pelajar.

SOROTAN KAJIAN

Kajian AS mula timbul pada akhir tahun 60an hasil daripada kritikan terhadap kelemahan kajian AK. Corder (1967) salah seorang ahli linguistik yang mempopularkan kajian AS telah membuat anjakan paradigma dalam kajian pemerolehan bahasa. Dalam kajian Analisis

Kontrastif, tujuan kajian adalah untuk memperbaiki proses pengajaran bahasa sasaran, tetapi dalam AS, Corder mencadangkan supaya kajian perlu ditekankan kepada proses pembelajaran. Corder (1974) juga berpendapat bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar apabila mempelajari sesuatu bahasa amat berguna kepada guru, penyelidik dan pelajar sendiri. Kesilapan dapat dijadikan sebagai alat untuk melihat bagaimana proses pembelajaran sesuatu bahasa asing dilakukan oleh pelajar. James (1998: 1) pula telah mendefinisikan AS sebagai *“...the process of determining the incidence, nature, causes and consequences of unsuccessful language.”*

AS sering dianggap hanya sebagai satu kaedah kajian yang merupakan versi lemah AK. Namun begitu terdapat juga ahli linguistik terapan yang menganggap AS sebagai satu kaedah dan juga satu teori dalam kajian pemerolehan bahasa yang terhasil daripada kelemahan AK. Contohnya Haded (1998) dalam artikelnya mengatakan bahawa,

“Arising from the failure of Contrastive Analysis to account for all the learners’ errors, Error Analysis has emerged both as a theory and method, placing itself as the natural successor par excellence.”

(1998 : 56)

Menurut Corder (1967), proses pemerolehan B2/B3 adalah sama seperti proses pemerolehan B1 oleh kanak-kanak walaupun motivasi untuk mempelajari bahasa tersebut adalah berbeza. Sesuatu bahasa dapat dikuasai setelah berlaku proses percubaan. Kesilapan di dalam penggunaan bahasa sasaran merupakan satu fenomena biasa di dalam proses pemerolehan bahasa sasaran oleh seseorang pelajar. Corder (1967: 167) juga berpendapat bahawa kesilapan berguna kepada tiga golongan iaitu guru, penyelidik dan pelajar. Guru-guru dapat menentukan apa yang perlu diajar dengan melihat jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Penyelidik pula dapat memanfaatkan kesilapan untuk mengetahui bagaimana proses pembelajaran berlaku. Manakala pelajar pula menjadikan kesilapan sebagai alat untuk menguji hipotesis mereka tentang bahasa sasaran. Kesilapan-kesilapan tersebut dianggap sebagai penanda bahawa proses pembelajaran bahasa sasaran sedang berlaku dan ianya adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Matthey (2003:17) mengatakan bahawa dalam proses pemerolehan B1 dan B2/B3, kanak-kanak atau pelajar meneroka sistem linguistik yang dipelajari dengan membuat hipotesis dan mencubanya ke atas sistem tersebut. Kesilapan yang berlaku merupakan bayangan kepada hipotesis tersebut dan menjadi petunjuk kepada strategi pembelajaran yang diguna pakai oleh mereka.

AS mengkaji kesilapan sebagai satu kaedah untuk memahami proses pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Setelah punca masalah dikenalpasti, maka kesilapan akan dapat diperbaiki. Kekerapan kesilapan yang dilakukan dalam sesuatu aspek bahasa dapat memperlihatkan darjah kesulitan yang dihadapi oleh mereka. Sekiranya kekerapan kesilapan adalah tinggi maka aspek tersebut dikatakan menimbulkan masalah yang besar di dalam proses pembelajaran bahasa sasaran dan perlu diberi perhatian di dalam pengajarannya. Kesilapan dianggap sebagai bukti adanya perkembangan dalam proses pemerolehan bahasa seseorang individu. Kesilapan juga memberi gambaran tentang apakah strategi yang digunakan oleh pelajar untuk menyelesaikan masalah di dalam pembelajaran mereka. Ini menunjukkan bahawa AS mempunyai dua peranan dalam kajian pemerolehan bahasa, iaitu sebagai satu alat yang menyediakan maklumat tentang proses pemerolehan B2/B3 dan juga sebagai kaedah untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa tersebut.

Kajian-kajian lepas yang mengkaji masalah yang berkaitan dengan pemerolehan bahasa Perancis oleh pelajar-pelajar Melayu banyak memberi tumpuan kepada kesilapan di dalam penggunaan aspek-aspek tertentu dalam tatabahasa Perancis (Choi, 1986; Roshidah, 1997; Lim, 2001; Teh, 2006; Azhar, 2006 dan Hazlina, 2008). Kajian-kajian tersebut kesemuanya merupakan tesis/disertasi peringkat sarjana dan PhD. Namun begitu, kajian yang

melihat kesilapan pemerolehan bunyi bahasa Perancis oleh pelajar Melayu masih belum banyak dijalankan.

BUNYI VOKAL BAHASA MELAYU DAN BAHASA PERANCIS

Menurut Yunus Maris (1980), terdapat enam fonem vokal yang digunakan dalam sebutan BM standard dan tiga alofon yang digunakan oleh sesetengah penutur sebagai variasi kepada sebahagian daripada vokal-vokal asli tersebut. Vokal-vokal bahasa Melayu standard terdiri daripada vokal /i/, /e/, /a/, /ə/, /u/, /o/ dan bunyi [ɛ], [ɔ] dan [ɜ] pula merupakan alofon kepada vokal /e/, /o/ dan /ə/. Namun begitu, dalam penggunaan BM hari ini, alofon [ɜ] tidak lagi hadir sebagai kelainan variasi bagi vokal /ə/ dalam sistem fonetik BM. Bunyi tersebut telah digantikan dengan bunyi [ə]. Oleh itu, jumlah vokal dalam BM moden adalah sebanyak enam fonem vokal standard dan dua alofon. Bunyi-bunyi vokal BM dapat dilihat di dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1 : Inventori Bunyi Vokal BM

Darjah keterbukaan mulut	Bentuk bibir	Daerah artikulasi		
		Depan lidah	Tengah lidah	Belakang lidah
Sempit	Bundar			u
	Tidak bundar	i		
Separuh sempit	Bundar			o
	Tidak bundar	e	ə	
Separuh luas	Bundar			
	Tidak bundar	ɛ		ɔ
Luas	Bundar			
	Tidak bundar		a	

Manakala BP pula mempunyai 16 bunyi vokal yang terdiri daripada 12 bunyi vokal oral dan 4 bunyi vokal nasal. Bunyi vokal oral dibezakan dengan bunyi vokal nasal berdasarkan cara udara keluar dari paru-paru. Sekiranya udara hanya keluar melalui rongga mulut ketika bunyi vokal dihasilkan maka bunyi tersebut dikelaskan sebagai vokal oral. Sebaliknya jika udara dari paru-paru dibenarkan keluar melalui rongga mulut dan hidung secara serentak semasa menghasilkan bunyi, maka vokal yang terbentuk adalah vokal nasal. Vokal-vokal oral BP tersebut adalah vokal [i], [e], [ɛ], [a], [y], [ø], [œ], [ə], [u], [o], [ɔ] dan [ɑ].

Menurut Dominique Abry dan Marie-Laure Chalaron dalam buku *Phonétique 350 exercices* (1994:21), sistem vokal BP standard sedang dalam proses perubahan daripada 16 bunyi vokal kepada 13 bunyi vokal. Mereka berpendapat bahawa bunyi vokal [ɑ] telah mula digantikan oleh bunyi [a], vokal [ə] pula diganti oleh sama ada bunyi vokal [ø] atau [œ] dan vokal nasal [œ̃] diganti oleh bunyi [ɛ̃]. Walaupun bunyi vokal ini dikatakan telah mengalami pengurangan jumlahnya, namun ianya masih lagi diujarkan oleh sesetengah penutur asli BP. Oleh yang demikian, bagi tujuan kajian ini pengkaji akan menghuraikan kesemua 16 bunyi vokal yang terdapat dalam BP standard. Bunyi-bunyi vokal BP adalah seperti di dalam Jadual 2.

Jadual 2: Inventori Bunyi Vokal BP

Darjah keterbukaan mulut	Kesengauan	Bentuk bibir	Daerah artikulasi		
			Depan lidah	Tengah lidah	Belakang lidah
Sempit	Oral	Tidak Bundar	i		
		Bundar	y		u
	Nasal	Tidak Bundar			
		Bundar			
Separuh sempit	Oral	Tidak Bundar	e	ə	
		Bundar	ø		o
	Nasal	Tidak Bundar			
		Bundar			
Separuh luas	Oral	Tidak Bundar	ɛ		
		Bundar	œ		ɔ
	Nasal	Tidak Bundar	ẽ		
		Bundar	œ̃		õ
Luas	Oral	Tidak Bundar		a	ɑ
		Bundar			
	Nasal	Tidak Bundar			
		Bundar			ã

KAEDAH KAJIAN

AS yang dijalankan dalam kajian ini akan menerapkan kaedah analisis data seperti yang dicadangkan oleh **Van Els & al. (1984)**. Mereka telah mencadangkan enam langkah untuk menjalankan AS, iaitu mengumpul data, mengenalpasti kesilapan, mengklasifikasikan kesilapan, mengenalpasti sumber kesilapan, menganalisis kesilapan dan mencadangkan bagaimana cara untuk memperbaiki kesilapan. Namun demikian, penulis telah membuat sedikit pengubahsuaian kepada langkah yang dicadangkan tersebut. Analisis yang dijalankan akan hanya mengandungi lima langkah sahaja iaitu mengumpul data, mengenalpasti kesilapan, mengenalpasti sumber kesilapan, menganalisis kesilapan dan seterusnya cuba memberi cadangan langkah pemulihan. Ini disebabkan, di dalam penyediaan bahan ujian, pengkaji telah membuat pembahagian bunyi-bunyi mengikut kategori tertentu setelah mempertimbangkan masalah-masalah yang mungkin timbul. Latihan-latihan yang disediakan adalah berbentuk terkawal iaitu apa yang dinamakan sebagai “*controlled elicitation*” oleh James (1998 : 21). Ujian-ujian terdiri daripada bentuk tertutup seperti menandakan bunyi yang didengar dan penyebutan perkataan. Kaedah elisitasi kesilapan yang digunakan dalam kajian ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pengklasifikasian kesilapan telah dibuat.

MENGUMPUL DATA

Pengumpulan data bermula dengan pengumpulan maklumat tentang subjek kajian. Subjek telah terlebih dahulu diminta menjawab soal selidik yang telah disediakan oleh penyelidik. Tujuan borang soal selidik ini diedarkan kepada subjek kajian adalah untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang bahasa yang mereka kuasai selain daripada bahasa ibunda dan maklumat tentang tahap pendidikan mereka dan ibu bapa. Maklumat-maklumat ini dirasakan penting diketahui agar dapat dijadikan panduan untuk lebih memahami mengapa

sesuatu masalah timbul kerana penguasaan bahasa sasaran oleh seseorang individu juga boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor lain selain daripada bahasa itu sendiri.

Para pelajar yang menjadi subjek kajian ini kemudiannya diminta untuk menjalani ujian yang melibatkan ujian pendengaran. Subjek kajian telah dibahagikan kepada empat kumpulan kecil untuk tujuan menjalani ujian pendengaran. Kumpulan-kumpulan kecil ini dibentuk untuk membolehkan subjek mendengar dengan jelas rakaman yang diperdengarkan kepada mereka. Subjek diminta menandakan pada kertas ujian yang disediakan ketika pita rakaman dimainkan. Setelah selesai ujian pendengaran, subjek secara individu diminta membuat ujian lisan. Penyelidik telah merakamkan sebutan mereka dengan menggunakan pita rakaman digital. Rakaman audio yang telah dibuat ini kemudiannya dipindahkan dan disimpan di dalam komputer.

MENGENALPASTI KESILAPAN

Setelah semua ujian selesai dijalankan, pengkaji telah menyemak kertas ujian tersebut bagi tujuan mengenalpasti kesilapan yang dilakukan. Jawapan bagi ujian diskriminasi bunyi yang ditandakan pada kertas soalan disemak dengan berpanduan skema jawapan yang telah disediakan. Dalam peringkat ini, kesilapan yang dilakukan perlu dibezakan antara kesilapan (*error*) dan kesalahan (*mistake*). Kesilapan biasanya berlaku kerana kurang menguasai aspek yang diuji tetapi kesalahan berlaku kerana sebab-sebab lain seperti keletihan, kecuai dan sebagainya. Memandangkan kaedah elisitasi (*elicitation*) kesilapan yang digunakan adalah berbentuk terkawal, maka sukar untuk membuat penentuan antara kesilapan dan kesalahan. Oleh yang demikian semua jawapan salah dikelaskan sebagai kesilapan. Namun begitu, dapat diandaikan bahawa kekerapan kesilapan yang kecil antara satu dan dua mungkin boleh dikelaskan sebagai kesalahan kerana keadaan ini tidak menunjukkan satu pola yang sistematik yang boleh dianggap sebagai satu kesilapan.

Bagi mengenalpasti kesilapan dalam ujian pengeluaran bunyi, penyelidik telah mendengar rakaman sebutan subjek dan menandakan pada kertas soalan sama ada bunyi yang dihasilkan tepat atau tidak. Selain itu, program **Praat** juga digunakan untuk tujuan mengenalpasti kesilapan dalam ujian lisan bunyi-bunyi vokal dan rangkap vokal, Program **Praat** yang boleh dimuat turun dari internet ini dapat memperlihatkan kedudukan bunyi-bunyi vokal yang dihasilkan sama ada ianya vokal depan, belakang, tengah, terbuka atau tertutup. Penyelidik menggunakan program ini bagi tujuan untuk memastikan dan mengesahkan bunyi-bunyi yang sukar untuk ditentukan jenis dan kedudukannya. Contohnya, dalam BP terdapat 16 bunyi vokal yang secara kasar didengar seperti sama. Melalui program ini kita dapat melihat dengan jelas di mana kedudukan bunyi yang dihasilkan dengan melukis graf bunyi-bunyi vokal daripada data-data yang diperolehi.

PROGRAM PRAAT

Program Praat ini merupakan sebuah program yang boleh digunakan oleh ahli-ahli fonetik untuk menganalisis bunyi-bunyi bahasa. Program ini boleh dimuat turun daripada internet di alamat laman web <http://www.praat.org> dan <http://www.fon.hum.uva.nl/praat/>. Program ini telah dicipta oleh Paul Boersma dan David Weenink dari *Institute of Phonetics Sciences*, Universiti Amsterdam. Melalui program ini, ahli fonetik boleh menganalisis bunyi-bunyi vokal dan konsonan, nada, intonasi, kepanjangan dan lain-lain yang berkaitan dengan bunyi-bunyi bahasa. Selain itu, program ini juga boleh digunakan untuk memanipulasi kenyaringan dan tempoh masa sesuatu bunyi. Dalam kajian yang dijalankan ini, pengkaji telah menggunakan program ini sebagai alat bantuan untuk tujuan mengukur bunyi-bunyi vokal BP yang dihasilkan oleh subjek kajian. Bunyi-bunyi vokal dapat ditentukan dengan tepat kedudukannya dengan mengukur frekuensi bunyi yang dikeluarkan dan seterusnya dengan

bantuan program “excel worksheet”, frekuensi bunyi yang direkodkan itu dipindahkan ke dalam bentuk graf yang dapat menunjukkan posisi bunyi tersebut di dalam mulut.

MENGENALPASTI SUMBER KESILAPAN

Daripada keputusan ujian juga kita akan cuba mengenalpasti punca kesilapan berlaku. Sesuatu kesilapan dilakukan oleh pelajar di dalam proses pembelajaran sesuatu bahasa asing boleh berpunca daripada beberapa sumber. Kesilapan boleh berpunca sama ada daripada gangguan sistem bahasa pertama, sistem bahasa kedua atau pun bahasa sasaran. Selain itu, punca kesilapan juga boleh dikaitkan dengan sistem bahasa yang terletak antara bahasa pertama dan bahasa sasaran yang dinamakan ***bahasa antara*** atau “***interlanguage***” (Selinker, 1972). Sumber kesilapan ini dapat ditentukan setelah huraian mengenai kesilapan dibuat. Apabila kesilapan dihuraikan kita akan dapat melihat apakah bentuk yang digunakan bagi menjawab soalan tersebut dan strategi yang digunakan oleh subjek ketika memberi jawapan tersebut. Ini secara langsung akan dapat menjelaskan sumber kesilapan.

MENILAI KESILAPAN

Keputusan ujian-ujian yang telah dianalisis dapat dijadikan sebagai pedoman untuk menilai sejauh mana kesilapan memberi kesan di dalam pembelajaran bahasa sasaran. Peratus kekerapan kesilapan dapat dijadikan kayu ukur di dalam membuat penilaian ini. Dalam kajian ini, bunyi-bunyi yang menunjukkan peratusan kekerapan paling tinggi digolongkan sebagai bunyi yang paling sukar untuk ditanggapi atau dihasilkan oleh subjek kajian. Sebaliknya, bunyi yang tidak menunjukkan sebarang kesilapan pula dianggap sebagai bunyi yang tidak menjadi masalah kepada subjek.

Kekerapan kesilapan dikira peratusannya dan disusun mengikut hierarki kekerapan. Jadual hierarki kekerapan kesilapan dapat memperlihatkan dengan jelas apakah bunyi-bunyi yang banyak menimbulkan kesulitan kepada subjek kajian dan daripada keputusan kajian juga kita dapat mencari punca kepada masalah-masalah tersebut. Kesilapan-kesilapan ini dapat dijadikan panduan di dalam menyusun bahan pengajaran. Kesilapan yang dianggap memberi kesan yang besar di dalam proses pembelajaran akan diberi perhatian yang lebih berbanding dengan yang lain. Perkara-perkara lain yang mempengaruhi kesilapan juga perlu diberi perhatian seperti contoh perbezaan antara sistem bahasa pertama, sistem bahasa sasaran dan lain-lain.

SUBJEK KAJIAN

Seramai 32 orang pelajar Melayu dari salah sebuah IPTS di Selangor telah dipilih sebagai subjek kajian ini. Mereka terdiri daripada 16 orang pelajar perempuan dan 16 orang pelajar lelaki. Subjek merupakan pelajar-pelajar diploma Semester 5 dari dua jurusan iaitu Jurusan “Automated System and Maintenance Technology” dan “Computer and Networking Technology”. Walaupun mereka daripada jurusan yang berbeza, namun mereka mengikuti kelas Bahasa Perancis yang sama tahap, menggunakan sukatan pelajaran yang sama dan juga diajar oleh guru yang sama. Ketika ujian-ujian untuk kajian ini dijalankan, pelajar-pelajar ini telah didedahkan kepada BP sekurang-kurangnya sebanyak 120 jam pertembungan.

Pelajar-pelajar ini dipilih berdasarkan persamaan bahasa ibunda, umur dan taraf kecekapan dalam BP. Mereka berumur di antara 19-24 tahun, dengan purata umur adalah 20.625 tahun. Mereka datang dari seluruh Malaysia yang mana 11 orang berasal dari Selangor, 2 dari Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur), 3 dari Johor, 4 dari Negeri Sembilan, 2 dari Melaka, 3 dari Pulau Pinang, 2 dari Kelantan, 2 dari Terengganu dan 1 masing-masing dari Kedah, Perak dan Pahang. BM standard yang dituturkan di Malaysia lebih dekat dengan bahasa yang dituturkan di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Johor. Ini bermakna

65.6 % peratus subjek kajian berasal dari kawasan-kawasan yang menuturkan BM standard. Manakala BM yang dituturkan oleh penutur di negeri-negeri lain adalah lebih berupa dialek Melayu contohnya di Kedah dan Pulau Pinang adalah merupakan BM dialek utara, Negeri Sembilan menuturkan dialek Minang, di Melaka penutur menuturkan dialek Melaka, di Kelantan dialek Kelantan, di Terengganu dialek Terengganu dan di Pahang pula dialek Pahang dituturkan.

Walaupun 46.8 % subjek kajian dari negeri-negeri yang menuturkan dialek Melayu tetapi mereka telah belajar di IPTS tersebut sejak 2 tahun yang lepas. Ini bermakna mereka telah terdedah kepada BM standard dan telah menggunakannya di dalam pertuturan harian mereka. Semasa temubual yang dijalankan oleh pengkaji bersama subjek-subjek ini, pengkaji mendapati bahawa walaupun ada pengaruh dialek dalam bahasa pertuturan mereka tetapinya ianya tidak begitu ketara. Pengkaji dapati kesemua subjek kajian tidak menghadapi masalah berkomunikasi di dalam BM standard.

Semua subjek mempunyai tahap kecekapan BP pada peringkat yang sama iaitu peringkat pertengahan ataupun peringkat A2 mengikut kerangka portfolio Eropah. Mereka telah mempelajari BP selama hampir lima semester kerana semasa kajian ini dijalankan mereka telah berada di minggu kesepuluh semester 5 mereka. Kesemua subjek belum pernah mengambil peperiksaan Diploma Pengajian Bahasa Perancis (DELF) yang dianjurkan oleh pihak Alliance Française dan Kedutaan Perancis di Malaysia. Kesemua pelajar bertutur BM sebagai bahasa pertama dan bahasa ibunda mereka. Sebahagian besar pelajar hanya menggunakan BM apabila berkomunikasi bersama ahli keluarga. BM dan BI pula menjadi bahasa perhubungan yang sering digunakan oleh para pelajar di dalam komunikasi mereka bersama kawan-kawan dan pensyarah.

Jadual 3: Subjek Kajian

Bil	Subjek	Jantina	Umur	Asal	DELF
1.	ADMI	L	21	Selangor	Tidak
2.	AII	L	20	Johor	Tidak
3.	FEM	L	20	Johor	Tidak
4.	ASK	L	20	Johor	Tidak
5.	MAM	L	20	Melaka	Tidak
6.	MFI	L	20	Melaka	Tidak
7.	HJ	L	20	Selangor	Tidak
8.	HFAM	L	20	Selangor	Tidak
9.	MHAMI	L	20	Selangor	Tidak
10.	HH	L	20	Pahang	Tidak
11.	MHI	L	21	Terengganu	Tidak
12.	AIZA	L	20	Negeri Sembilan	Tidak
13.	MNRY	L	20	Negeri Sembilan	Tidak
14.	MSMH	L	20	Negeri Sembilan	Tidak
15.	HM	L	20	Pulau Pinang	Tidak
16.	MAZ	L	20	Perak	Tidak
17.	NHR	P	24	Kedah	Tidak
18.	NH	P	21	Selangor	Tidak
19.	HH@N	P	22	Terengganu	Tidak
20.	NMZ	P	20	Kelantan	Tidak
21.	FAR	P	23	Kelantan	Tidak
22.	FAAA	P	20	Negeri Sembilan	Tidak
23.	NAS	P	20	Pulau Pinang	Tidak
24.	SFAR	P	20	Pulau Pinang	Tidak
25.	NLMS	P	20	Kuala Lumpur	Tidak
26.	NN	P	20	Selangor	Tidak
27.	NZ	P	23	Kuala Lumpur	Tidak
28.	NHJ	P	20	Selangor	Tidak
29.	KHH	P	24	Selangor	Tidak

30.	HY	P	20	Selangor	Tidak
31.	NMA	P	20	Selangor	Tidak
32.	SNSS	P	19	Selangor	Tidak

INSTRUMEN KAJIAN

Dua jenis ujian yang melibatkan ujian pendengaran dan lisan telah disediakan. Selain itu, ujian-ujian disediakan dengan tujuan untuk melihat sejauh mana perbezaan-perbezaan yang wujud antara sistem fonetik dan fonologi BM dan BP akan menimbulkan kesulitan kepada pelajar-pelajar Melayu. Ujian pendengaran dibuat untuk melihat sama ada para pelajar berupaya mendiskriminasi bunyi-bunyi BP atau tidak. Manakala ujian-ujian lisan pula dijalankan dengan tujuan untuk melihat sejauh mana pelajar-pelajar dapat mengujarkan bunyi-bunyi BP dan apakah bunyi-bunyi yang paling sukar untuk dikeluarkan. Selain itu, ujian-ujian yang disediakan juga bertujuan untuk melihat apakah strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar-pelajar Melayu apabila mempelajari BP.

UJIAN PENDENGARAN

Di dalam ujian pendengaran, para subjek diminta mendengar pita rakaman dan menandakan pada kertas latihan yang disediakan. Ujian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat sama ada para pelajar mampu mendiskriminasi bunyi-bunyi vokal BP atau tidak. Pelajar diminta mendengar rakaman pasangan perkataan dan menandakan jenis bunyi yang didengar sama ada sama atau tidak. Perkataan-perkataan tersebut dibacakan oleh penutur natif BP yang berasal dari Belgium. Beliau merupakan pensyarah Bahasa Perancis yang telah tinggal di Malaysia lebih dari 10 tahun. Perkataan-perkataan yang dipilih merupakan perkataan-perkataan yang biasa didengar oleh pelajar dan mengandungi semua bunyi vokal yang terdapat dalam BP. Terdapat 26 pasang perkataan yang mana separuh daripadanya merupakan pasangan perkataan yang mengandungi bunyi vokal yang sama dan separuh lagi merupakan pasangan perkataan yang mempunyai bunyi vokal yang berbeza. Kekerapan kehadiran setiap bunyi-bunyi vokal adalah sama banyak yakni sebanyak tiga kali.

UJIAN LISAN

Ujian lisan dijalankan dengan tujuan untuk melihat sama ada pelajar-pelajar Melayu menghadapi masalah atau tidak di dalam pengeluaran bunyi-bunyi BP. Sebutan subjek kajian dirakam dengan menggunakan pita rakaman digital. Ujian lisan ini merupakan rentetan daripada ujian pendengaran. Ujian ini masih bertujuan untuk menguji subjek berkaitan dengan bunyi vokal BP. Dalam ujian pendengaran, subjek diuji sama ada mereka menyedari ada perbezaan bunyi dalam pasangan minimal yang dipilih. Sebaliknya, ujian lisan adalah bertujuan untuk melihat adakah mereka berupaya mengeluarkan bunyi-bunyi vokal tersebut atau tidak. Ini juga bertujuan untuk melihat adakah bunyi yang ditanggapi oleh para subjek akan dapat dihasilkan oleh mereka atau tidak. Di dalam ujian ini, perkataan yang mengandungi bunyi-bunyi vokal juga diberi dalam bentuk ayat. Setiap bunyi vokal diuji dalam tiga perkataan yang terdiri daripada satu suku kata sahaja. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan perkataan yang diberi bagi 16 bunyi vokal BP adalah 48 perkataan. Rujuk Lampiran.

KEPUTUSAN UJIAN

Berikut ini adalah keputusan ujian yang telah dijalankan. Daripada Jadual 4 dan 5 berikut, didapati bahawa kesilapan paling tinggi yang dilakukan oleh subjek ialah dalam

mengenalpasti perbezaan bunyi antara bunyi [ɛ] dan [e] dalam perkataan [ʃâtɛ] dan [ʃâte]. 65.6% daripada pelajar menandakan bahawa kedua-dua perkataan tersebut mengandungi bunyi vokal yang sama. Kesilapan di dalam membezakan bunyi vokal [ɛ] dan [e] mungkin kerana dalam BM, kedua-dua bunyi tersebut merupakan alofon kepada satu fonem /e/ yang sama yakni kehadiran kedua-duanya tidak membezakan makna perkataan. Sebaliknya kehadiran bunyi-bunyi tersebut dalam BP merupakan dua fonem yang berbeza dan membezakan makna perkataan.

Secara keseluruhannya ujian diskriminasi bunyi-bunyi vokal ini tidak menimbulkan banyak masalah kepada subjek kajian kerana peratusan kesilapan adalah rendah. Keputusan ujian ini memperlihatkan bahawa jumlah keseluruhan kesilapan yang dilakukan adalah sebanyak 50 kesilapan daripada 832 jawapan yang mungkin betul. Ini bermakna secara keseluruhan, hanya 6% sahaja kesilapan dilakukan oleh subjek di dalam mendiskriminasikan bunyi-bunyi vokal BP. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Melayu tidak menghadapi masalah yang besar untuk mengenalpasti perbezaan bunyi-bunyi vokal yang diperdengarkan walaupun bunyi-bunyi tersebut tidak terdapat di dalam bahasa ibunda mereka.

Jadual 4: Keputusan Ujian Diskriminasi Bunyi Vokal BP.

Bil	Perkataan	Vokal	Kesilapan	Peratus (%)
1.	boule - bulle	u y	1	3.1
2.	fumée - fumée	y y	0	0
3.	mille - moule	i u	1	3.1
4.	dit - du	i y	0	0
5.	chantait - chanté	ɛ e	21	65.6
6.	pelle - pelle	ɛ ɛ	1	3.1
7.	ce - ces	ə e	2	6.25
8.	repars - repars	ə ə	2	6.25
9.	sel - sale	ɛ a	1	3.1
10.	journée - journée	e e	4	12.5
11.	passer - passer	ɑ ɑ	3	9.4
12.	homme - homme	ɔ ɔ	2	6.25
13.	part - port	a ɔ	0	0
14.	paume - pomme	o ɔ	0	0
15.	cadeau - cadeau	o o	0	0
16.	soeur - sort	œ ɔ	0	0
17.	heure - heure	œ œ	1	3.1
18.	feu - faux	ø o	0	0
19.	veux - veux	ø ø	0	0
20.	grain - graine	ɛ̃ ɛ	3	9.4
21.	cousin - cousin	ɛ̃ ɛ̃	1	3.1
22.	manche - manche	ɑ̃ ɑ̃	1	3.1
23.	chacun - chacune	œ̃ y	3	9.4
24.	blanc - blond	ɑ̃ ɔ̃	1	3.1
25.	commun - commun	œ̃ œ̃	1	3.1
26.	marron - marron	ɔ̃ ɔ̃	1	3.1

Jadual 5 : Hirarki Kekerapan Kesilapan Mendiskriminasi Bunyi Vokal BP

Bil	Vokal		Kesilapan	Peratus (%)
1.	ɛ	e	21	65.6
2.	e	e	4	12.5
3.	ɑ	ɑ	3	9.4
4.	ẽ	ɛ	3	9.4
5.	ɔ̃	y	3	9.4
6.	ə	e	2	6.25
7.	ə	ə	2	6.25
8.	ɔ	ɔ	2	6.25
9.	u	y	1	3.1
10.	i	u	1	3.1
11.	ɛ	ɛ	1	3.1
12.	ɛ	a	1	3.1
13.	œ	œ	1	3.1
14.	ẽ	ẽ	1	3.1
15.	ã	ã	1	3.1
16.	ã	ɔ̃	1	3.1
17.	œ̃	œ̃	1	3.1
18.	ɔ̃	ɔ̃	1	3.1
19.	y	y	0	0
20.	i	y	0	0
21.	a	ɔ	0	0
22.	o	ɔ	0	0
23.	o	o	0	0
24.	œ	ɔ	0	0
25.	ø	o	0	0
26.	ø	ø	0	0

Keputusan ujian lisan pula menunjukkan bahawa subjek mengalami masalah yang agak ketara di dalam pengeluaran bunyi vokal BP kerana peratus kesilapan yang ditunjukkan dalam Jadual 5 agak tinggi. Daripada 1536 ujaran bunyi-bunyi vokal yang mungkin betul, sebanyak 600 daripadanya merupakan sebutan yang salah. Bunyi-bunyi vokal yang hanya terdapat dalam sistem fonetik dan fonologi BP iaitu bunyi [y], [ø], [œ], [œ̃],[ẽ] dan [ã] merupakan antara bunyi-bunyi vokal yang menunjukkan kekerapan kesilapan yang tinggi. Kekerapan kesilapan yang dilakukan bagi bunyi-bunyi tersebut adalah di antara 42 % hingga 82 %.

Memandangkan jumlah bunyi vokal dalam BM adalah lebih sedikit berbanding dengan bunyi-bunyi vokal BP, maka subjek memindahkan cara sebutan bunyi vokal BM apabila mengujarkan perkataan-perkataan BP. Bunyi-bunyi vokal yang dihasilkan bagi menggantikan bunyi vokal BP terdiri daripada bunyi vokal yang hampir sama kedudukan lidah dan cara sebutannya. Contohnya, bunyi vokal [œ] yang merupakan bunyi vokal depan bundar separuh sempit diganti oleh bunyi vokal tengah [ə] dan vokal belakang bundar [u] dan [o] dalam perkataan *fleur*, *boeuf* dan *meuble*.

Bunyi vokal yang menunjukkan kekerapan kesilapan yang paling tinggi adalah di dalam pengeluaran bunyi vokal [œ]. Daripada jumlah keseluruhan, sebanyak 79 kali atau 82.3% kesilapan dilakukan oleh subjek kajian di dalam menghasilkan bunyi tersebut.

Kebanyakan subjek menggantikan bunyi vokal ini dengan sama ada bunyi vokal tengah neutral [ə] atau vokal belakang [u], [o]. Selain daripada bunyi vokal oral [œ], vokal nasal [œ̃] juga menjadi masalah yang besar kepada para subjek kajian. Bunyi vokal ini tidak hadir dalam BM, maka subjek menghadapi kesulitan di dalam menanggapi dan mengujarkannya.

Bunyi-bunyi vokal oral [u], [a] dan [aŋ] pula merupakan bunyi yang sering digunakan oleh subjek apabila mengujarkan perkataan-perkataan yang mengandungi bunyi vokal nasal [œ̃]. Subjek sebenarnya menyedari bahawa terdapat ciri nasal pada bunyi vokal tersebut. Bagi menghasilkan ciri nasal tersebut, mereka telah menambahkan bunyi konsonan nasal seperti [n] dan [ŋ] selepas bunyi vokal. Ini dapat dilihat dalam variasi bunyi yang dihasilkan apabila mengujarkan perkataan yang mengandungi vokal nasal BP seperti vokal nasal [œ̃], [ã̃], [õ̃] dan [ẽ̃].

Dalam analisis yang dijalankan ini, sebutan bunyi vokal belakang [ɑ] dan vokal depan [ɑ] tidak dibezakan. Sekiranya terdapat subjek yang menyebut perkataan yang mengandungi bunyi vokal [ɑ] dengan bunyi vokal [a], sebutan itu tidak dikira sebagai kesilapan. Pertimbangan ini dibuat kerana dalam sistem fonetik BP moden, bunyi [ɑ] secara beransur-ansur telah digantikan dengan bunyi [a] (Abry & Chalaron, 1994). Perbezaan sebutan antara kedua-dua vokal tersebut juga amat sukar untuk ditentukan. Memandangkan makna perkataan masih boleh difahami jika sekiranya perkataan yang mengandungi bunyi [ɑ] diujar dengan bunyi [a], maka bunyi tersebut tidak dikira sebagai kesilapan. Oleh yang demikian, bagi penyebutan perkataan yang mengandungi bunyi [ɑ], kesilapan hanya dikira apabila bunyi dihasilkan adalah selain daripada bunyi [a].

Jadual 6: Keputusan Ujian Pengeluaran Bunyi-bunyi Vokal BP

Bil	Vokal	Jumlah Kesilapan (96)	Purata Kesilapan	Peratus (%)
1	i	0	0	0
2	e	41	13.7	42.7
3	ɛ	9	3	9.4
4	a	14	4.7	14.6
5	y	75	25	78.1
6	ø	73	24.3	76
7	œ	79	26.3	82.3
8	ə	14	4.7	14.6
9	u	22	7.3	22.9
10	o	54	18	56.3
11	ɔ	11	3.7	11.4
12	ɑ	17	5.7	17.7
13	ẽ	55	18.3	57.3
14	œ̃	79	26.3	82.3
15	õ̃	16	5.3	16.7
16	ã̃	41	13.7	42.7

Jadual 7: Hirarki Kekerapan Kesilapan Pengeluaran Bunyi Vokal BP

Bil	Vokal	Jumlah Kesilapan (96)	Peratus (%)
1	œ	79	82.3
2	œ̃	79	82.3
3	y	75	78.1
4	ø	73	76
5	ẽ	55	57.3
6	o	54	56.3
7	e	41	42.7
8	ã	41	42.7
9	u	22	22.9
10	ɑ	17	17.7
11	õ	16	16.7
12	a	14	14.6
13	ə	14	14.6
14	ɔ	11	11.4
15	ɛ	9	9.4
16	i	0	0

Daripada jadual keputusan ujian di atas juga, kita dapat melihat bahawa selain daripada bunyi-bunyi vokal yang tidak terdapat di dalam BM, subjek juga menghadapi masalah di dalam pengeluaran bunyi-bunyi vokal yang juga hadir dalam sistem bunyi bahasa BM. Keadaan ini berlaku bukan disebabkan subjek tidak berupaya mengeluarkan bunyi-bunyi vokal tersebut tetapi disebabkan oleh sistem ejaan BP. Pelbagai bentuk ejaan digunakan bagi mewakili sesuatu bunyi vokal dalam BP. Subjek cuba mengujarkan sesuatu perkataan mengikut ejaannya. Ini menjelaskan mengapa kekerapan kesilapan yang ditunjukkan oleh keputusan ujian agak tinggi. Daripada jadual keputusan ujian juga dapat dilihat bahawa subjek kajian tidak menghadapi masalah di dalam pengeluaran bunyi vokal [i]. Disebabkan hanya huruf *i* digunakan untuk mewakili bunyi vokal [i] maka subjek tidak menghadapi masalah untuk menghasilkan bunyi vokal tersebut dengan tepat.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian yang diperolehi daripada kedua-dua bentuk ujian yang dijalankan telah menjawab soalan-soalan kajian ini. Ujian-ujian yang dijalankan telah memperlihatkan sejauhmana keupayaan subjek kajian mendiskriminasi dan mengujarkan bunyi-bunyi vokal BP. Ujian diskriminasi bunyi vokal BP menunjukkan bahawa subjek kajian tidak menghadapi masalah untuk mendiskriminasi bunyi vokal BP walaupun kebanyakan bunyi-bunyi tersebut tidak hadir di dalam sistem fonetik BM. Subjek berupaya mengenalpasti perbezaan pasangan bunyi vokal yang diperdengarkan. Mereka berjaya membezakan bunyi-bunyi yang diuji. Subjek hanya menghadapi kesulitan yang paling besar di dalam mendiskriminasi bunyi-bunyi vokal depan sempit [e] dan vokal depan separuh luas [ɛ]. Mereka menghadapi kesukaran untuk membezakan kedua-dua bunyi tersebut disebabkan di dalam BM, kedua-dua bunyi tersebut merupakan variasi bunyi atau alofon bagi fonem yang sama iaitu /e/. Bunyi-bunyi vokal yang tidak terdapat di dalam sistem bunyi vokal BM seperti [y], [ø], [œ], [ɔ], [ẽ], [œ̃], [õ], [ã] tidak menimbulkan masalah kepada subjek kajian. Dapatan ini bertentangan dengan hipotesis yang dibuat di dalam AS yang mengatakan bahawa bunyi yang tidak terdapat di

dalam B1 akan menimbulkan kesukaran kepada pelajar. Sebaliknya, dapatan menunjukkan bahawa bunyi-bunyi yang terdapat di dalam B1 menjadi gangguan kepada pelajar untuk membezakan bunyi-bunyi yang didengar.

Sebaliknya dapatan daripada ujian pengeluaran bunyi vokal memperlihatkan kekerapan kesilapan pengeluaran bunyi-bunyi vokal BP yang agak besar. Ini menunjukkan bahawa subjek kajian menghadapi kesukaran untuk mengujarkan sesetengah bunyi vokal BP. Bunyi-bunyi vokal yang hanya terdapat dalam sistem bunyi BP menunjukkan peratus kesilapan yang tinggi. Bunyi-bunyi tersebut adalah vokal depan bundar seperti [œ], [ø], [y] dan bunyi vokal nasal [œ̃], [ẽ̃], [õ̃], [ũ̃].

Analisis yang dijalankan telah memberi gambaran tentang strategi yang telah digunakan oleh subjek apabila berhadapan dengan masalah yang berkaitan dengan bunyi-bunyi BP. Antara strategi yang digunakan untuk memudahkan pembelajaran BP oleh subjek kajian adalah (1) strategi penghampiran ciri atau fitur bunyi dan (2) strategi pemindahan (*transfer*). Di dalam strategi penghampiran ciri bunyi, subjek mengujarkan sesuatu bunyi yang diuji dengan bunyi yang mempunyai persamaan fitur antara bunyi B1 dan bahasa sasaran. Strategi pemindahan pula dilihat apabila sesuatu unsur B1 dipindahkan terus ke bahasa sasaran.

Melalui strategi penghampiran ciri atau fitur bunyi ini, subjek mengujarkan bunyi-bunyi vokal BP yang tidak terdapat di dalam sistem bunyi BM dengan bunyi yang mempunyai fitur yang hampir sama dengan bunyi vokal BM. Strategi ini dapat dilihat dalam ujian yang dijalankan. Contohnya bunyi vokal depan sempit bundar [y] yang mempunyai fitur {+depan, +sempit, +bundar} diujar sama ada sebagai vokal [i] yang mempunyai fitur {+depan, +sempit, -bundar} atau vokal [u] yang mempunyai fitur {-depan, +sempit, +bundar}. Pelajar menyebut sama ada bunyi [i] atau [u] bagi menggantikan bunyi [y] kerana kedua-dua bunyi tersebut terdapat di dalam BM dan kedua-dua bunyi tersebut mempunyai ciri persamaan dengan bunyi [y] iaitu sama ada pada fitur +depan, +sempit atau +sempit, +bundar. Apabila subjek mengujarkan bunyi [y] sebagai [i], ini bermakna beliau menyamakan fitur +sempit dan +depan pada bunyi [y] dengan [i]. Sebaliknya sekiranya subjek mengujarkan bunyi [y] sebagai [u], bermakna beliau menyamakan fitur +sempit dan +bundar pada bunyi [y] dengan fitur +sempit dan +bundar yang terdapat pada bunyi [u].

Manakala bagi vokal depan separuh sempit bundar [ø] yang mempunyai fitur {+depan, +separuh sempit, +bundar} dan vokal depan separuh luas bundar [œ] yang mempunyai fitur {+depan, +separuh luas, +bundar} pula diujar sama ada sebagai bunyi vokal tengah [ə] yang mempunyai fitur {-depan, +separuh sempit, -bundar} atau vokal belakang separuh sempit bundar [o] yang mempunyai fitur {-depan, +separuh sempit, +bundar}. Kedua-dua bunyi vokal tersebut mempunyai persamaan ciri atau fitur dengan [ø] sama ada pada fitur +separuh sempit atau +bundar. Ini menunjukkan bahawa pelajar mengujarkan bunyi-bunyi yang tidak terdapat di dalam BM dengan sebutan bunyi yang mempunyai fitur yang hampir sama dengan fitur bunyi vokal BP.

Selain itu, pelajar juga menggunakan strategi pemindahan (*transfer*) sistem sebutan bunyi BM ke dalam BP. Memandangkan bunyi-bunyi vokal BP diwakili oleh pelbagai bentuk ejaan, maka pelajar Melayu menghadapi masalah untuk menyebut bunyi-bunyi tersebut. Oleh yang demikian, subjek kajian memindahkan sistem ejaan bunyi vokal BM apabila menyebut perkataan BP. Keputusan ujian pengeluaran bunyi vokal menunjukkan subjek kajian menyebut perkataan-perkataan BP mengikut cara sebutan perkataan BM, yakni disebut mengikut ejaannya. Contoh dapat dilihat dalam penyebutan perkataan **une** [yn] yang disebut

sebagai [*une], **homme** [ɔm] disebut sebagai [*hom] dan **les** [le] disebut sebagai [*les]. Pemindahan sistem ejaan ini lebih ketara di dalam penyebutan bunyi-bunyi vokal nasal BP seperti [ê], [œ], [ɔ̃] dan [ɑ̃]. Ejaan perkataan bunyi vokal nasal BP kebanyakan dieja dengan huruf konsonan nasal seperti “m”, “n” dan “ng”. Memandangkan dalam BM, semua huruf adalah dibunyikan, maka subjek memindahkan cara tersebut apabila menyebut bunyi vokal nasal BP, contohnya perkataan **brun** [brœ̃] disebut sebagai [*brun], **dans** [dɑ̃] disebut sebagai [*dans] dan **quand** [kɑ̃] disebut sebagai [*kuan].

Keputusan ujian-ujian yang dijalankan memperlihatkan bahawa selain daripada mengalami kesulitan untuk mengujarkan bunyi vokal yang berbeza dengan BM, subjek juga melakukan kesilapan mengujarkan bunyi vokal BP yang juga terdapat dalam BM. Seperti yang telah dibincangkan, kesulitan berpunca daripada sistem ejaan yang digunakan bagi mewakili bunyi vokal BP berbeza dengan sistem ejaan BM. Ini menunjukkan bahawa perbezaan aspek-aspek selain daripada sistem fonetik dan fonologi antara bahasa-bahasa yang dibandingkan juga boleh menimbulkan kesulitan di dalam pembelajaran sesuatu bahasa asing.

KESIMPULAN

Dapatan daripada AS yang telah dijalankan ke atas 32 orang ini telah memperlihatkan sejauh mana keupayaan pelajar-pelajar Melayu mendiskriminasi dan mengujarkan bunyi-bunyi vokal BP. Dapatan juga memperlihatkan apakah bunyi-bunyi vokal yang menimbulkan kesulitan kepada pelajar-pelajar Melayu. Selain daripada itu, dapatan analisis ini bukan sahaja dapat memperlihatkan jenis masalah yang dihadapi oleh pelajar Melayu tetapi juga strategi yang digunakan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Secara ringkas, dapat dikatakan bahawa perbezaan yang terdapat antara bahasa pertama, kedua dan bahasa sasaran dikatakan menjadi salah satu punca gangguan dan menimbulkan masalah kepada pelajar apabila mempelajari bahasa tersebut. Namun begitu, dapatan juga menunjukkan bahawa bukan semua kesilapan yang dilakukan oleh pelajar berpunca daripada perbezaan-perbezaan tersebut. Kesulitan di dalam penguasaan bahasa sasaran juga boleh berpunca daripada faktor-faktor lain.

RUJUKAN

- Abry, D. & Chalaron, M.-Laure. (1994). *Phonétique, 350 Exercices*. Paris: Hachette.
- Asmah Hj. Omar. (1993). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Harun. (2006). *Penggunaan Preposisi Bahasa Perancis di Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Analisis Kesilapan*. (Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Berré, M. (ed.). (2005). *Linguistique de la parole et apprentissage des langues: Questions autour de la méthode verbo-tonale de P.Guberina*. Mons : CIPA.
- Boyer, H. et al. (1990). *Nouvelle introduction à la didactique du français langue étrangère*. Paris : CLE International.
- Chaiyanara, P. M. (2006). *Pengenalan Fonetik dan Fonologi*. Kuala Lumpur : DBP.
- Choi Kim Yok (1986). *Essai de recherche en analyse contrastif et en analyse d'erreur : Les systèmes morphologique du Français et du Malais*. (Tesis PhD). Paris : Universiti Sorbonne Nouvelle.
- Corder, S. P. (1967). "The significance of learners' errors". *International Review of Applied Linguistics* 5: 160–170

- Corder, S. P. (1974). Error Analysis. Dlm. Allen J. P. B. and Pit Corder (1974, editors). *Techniques in Applied Linguistics (The Edinburgh Course in Applied Linguistics)*. London: Oxford University Press.
- Corder, S.P. (1984). The Significance of Learner's Errors. Dlm. Richards, J.C. (ed.). *Error Analysis; Perspectives on Second Language Acquisition*. (hlm.19-27). London/New York: Longman.
- Corder, S.P. (1971). Idiosyncratic Dialects and Error Analysis. Dlm. **IRAL**. Vol. IX/2. May 1971, 147-159.
- Courtillon, J. (2003). *Élaborer un cours de FLE*. Paris : Hachette.
- Cuq, J.-Pierre & Gruca, I. (2002). *Cours de didactique du français langue étrangère et seconde*. Grenoble : Presses Universitaires de Grenoble.
- Eckman, F.R. (2004). Research on Phonology. Dlm. *Studies in Second Language Acquisition*. Vol.26. No.4, Dec 2004, 513-519.
- Flynn, S. & Foley, C. (2004). The cumulative-enhancement model for language acquisition: Comparing adults' children's patterns of development in first, second and third language acquisition of relative clauses. Dlm *The International Journal of Multilingualism*, Vol. , No. 1, 2004, 2-16.
- Fougeron, C. & Smith, C.L.(1993). Illustration of the IPA-French. Dlm. *Journal of the International Phonetic Association* 23(2), 73-76.
- Haded, M.S. (1998). The Merits of Exploiting Error Analysis in Foreign Language Teaching and Learning. Dlm. **RELIC**. Vol. 29. No.1, 55-65.
- Hazlina Abdul Halim (2013). Analisis Kesilapan Dan Strategi Pembelajaran Gender Gramatikal Bahasa Perancis dlm . *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 13(1), 169-184.
- Hazlina Abdul Halim (2008). *Pemerolehan Gender Gramatikal Bahasa Perancis di Kalangan Pelajar-Pelajar Bahasa Asing*. (Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- James, C. (1998). *Errors in Language Learning and Use : Exploring Error Analysis*, London: Longman.
- Ladefoged, P. (2006). *A Course In Phonetics, 5th ed*. Boston : Thomson Wadsworth.
- Lado, R. (1957). *Linguistics Across Cultures: Applied Linguistics for Language Teachers*. Michigan: An Arbor The University of Michigan Press.
- Lauret, B. (2007). *Enseigner la prononciation du français: questions et outil*. Paris: Hachette.
- Lim, Sep Neo (2001). *An Error Analysis of the Use of the Past Tense in French by Malay Students*. (Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Matthey, M. (2003). *Apprentissage d'une langue et interaction verbale*. Bern: Peter Lang.
- Pillai, Stefanie, Zuraidah Mohd Don, Knowles, Gerald. & Tang, Jennifer. (2010), Malaysian English: an instrumental analysis of vowel contrasts. Dlm. *World Englishes*, Vol. 29, No.2, 159-172.
- Porcher, L. (2004). *L'enseignement des langues étrangères*. Paris : Hachette Éducation.
- Richards, J.C. (ed.). (1984). *Error Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition*. London: Longman.
- Rothman, J. & Amaro, J.C. (2010). What variables condition syntactic transfer? A look at the L3 initial state. Dlm. *Second Language Research*, 26,2 (2010); 189-218.
- Roshidah Hassan. (1997). *Analisis Kontrastif Sistem Kata Ganti Nama BM dan BP*. (Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Roshidah Hassan. (2010). *Sistem Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis: Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan*. Tesis PhD. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Selinker, L. (1972). Interlanguage. Dlm. **IRAL**. Vol.X/3. 1972, 219-231.
- Selinker, L. (1992). *Rediscovering Interlanguage*. London/NY: Longman.
- Shahidi A.H, Rahim Aman & Ab. Samad Kechot. (2012). Production and Perception of English word final stops by Malay speakers. Dlm. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 12(4), 1109-1124.
- Teh Hui Yen. (2006). *The Learning of French Articles by Malay Secondary Students: An Error Analysis*. (Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Van Els, Theo, et al. (1984). *Applied Linguistics and the Learning and Teaching of Foreign Languages*. London: Edward Arnold.
- Yunus Maris. (1980). *The Malay Sound Systems*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.